

UMK JADI UNIVERSITI AWAM PERTAMA MENGANGGOTAI GCEE



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) merupakan universiti awam pertama menyertai *The Global Consortium Entrepreneurship Educators Group* atau GCEE yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) dalam usaha universiti itu memainkan peranan lebih besar memacu pembangunan pendidikan keusahawanan di negara ini.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, selari dengan kerjasama UMK dengan GCEE yang dihoskan oleh Babson College iaitu sebuah institusi keusahawanan nombor satu di AS itu menjadikan UMK satu-satunya universiti awam di negara ini yang telah menganggotai konsortium itu.

Beliau berkata, kerjasama ini memberi banyak manfaat kepada universiti terutamanya untuk mendapatkan kemudahan dan peluang akses kepada modul-modul akademik keusahawanan yang diperkenalkan di Babson College.

“Selain itu, kita juga dapat menjalinkan kerjasama dengan institusi-institusi lain yang bernaung dibawah GCEE terutamanya berkongsi pengalaman dan menggunakan kepakaran daripada professor-profesor mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Kunjungan Hormat Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Datuk Paul W. Jones bersama rombongannya ke UMK Kampus Kota, di Pengkalan Chepa, Kota Bharu, pada 19 Februari 2013.



Kehadiran julung kali beliau ke universiti ini disambut oleh Naib Canselor dan pengurusan kanan Universiti dan disusuli dengan sesi dialog Majlis Perwakilan Pelajar UMK bersama pegawai tertinggi kekuatan AS di Malaysia.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Abdul Latif dan Penasihat Undang-Undang UMK, YBhg. Dato' Dr. Abdul Halim Sidek.

Menurut Prof. Datuk Dr. Raduan, sebagai sebuah universiti, pihaknya sentiasa berusaha mencari peluang untuk bekerjasama dengan universiti lain terutama dari luar negara.

Jelas beliau, pada kunjungan hormat itu pihak kedutaan AS juga telah memberi jaminan untuk memastikan permohonan visa pelajar dan pensyarah UMK untuk melawat ke AS tidak menghadapi masalah.

"Selain itu, kerjasama kedua-dua pihak ini membuka peluang kepada Universiti untuk mendapatkan khidmat professional daripada pensyarah dan guru Bahasa Inggeris dari AS sebagai tenaga pengajar di UMK," ujarnya.

Tambah beliau, UMK juga berhasrat untuk memperkukuhkan program mobiliti pelajar dengan membawa pelajar AS belajar disini selama satu atau dua semester disamping mempelajari budaya di dinegara ini.



Sementara itu, Datuk Paul dalam ucapan ringkasnya berkata sehingga kini terdapat kira-kira 6,000 hingga 7,000 pelajar Malaysia yang menyambung pelajaran mereka ke AS dan namun mereka kebanyakannya tertumpu kepada universiti tertentu biarpun negara itu mempunyai banyak lagi pilihan tempat pengajian.

Jelasnya, universiti di AS amat berminat menjalinkan rangkaian dengan universiti di Asia terutama negara seperti Malaysia yang giat membangunkan pendidikan institusi pengajian tinggi.

Dalam masa sama, katanya, AS juga mempunyai banyak kolej komuniti yang mengajar kemahiran profesional dan vokasional bermutu dengan yuran pengajian yang murah dan ia boleh menjadi batu loncatan untuk pelajar menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Negara seperti Vietnam misalnya menghantar sehingga 17,000 pelajar mereka belajar di kolej komuniti di AS bagi mendapatkan kemahiran vokasional dan profesional.

"Saya berharap pelajar Malaysia juga tidak melepaskan untuk memperoleh manfaat yang sama untuk bekerjasama dengan universiti lain terutama dari luar negara," katanya.





Berita : Syarimie Wosley / Gambar : Azam Razi / Hebahan : webmaster@umk.edu.my